

KEBERKESANAN TEORI *MALAKAH* DAN *TADRIJ* DALAM AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH PEDALAMAN

Mohd Zaidi Mohd Zeki

Nurulaini Moshidi

(SMK Penangah, Telupid, Sabah)

ABSTRAK

Kitab Al-Muqaddimah karya Ibnu Khaldun mengetengahkan teori malakah dan tadrij sesuai diaplikasi dalam subjek Pendidikan Islam khusus di sekolah pedalaman. Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan teori Ibnu Khaldun sebagai amalan yang berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian masalah dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman. Kajian yang disertai oleh 2 peserta kajian di 2 buah lokasi kajian yang berbeza mengimplimentasi kaedah kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes yang telah dijalankan selama 4 bulan. Bagi mencapai objektif kajian, pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian tanpa penyertaan dan penganalisan dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara amalan pengajaran berkesan guru Pendidikan Islam di pedalaman adalah penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai, penggunaan teknologi maklumat, aplikasi jawi dalam pengajaran dan guru sebagai tauladan yang baik kepada pelajar di peringkat sekolah menengah sesuai dengan teori malakah dan tadrij. Berdasarkan dapatan kajian juga, penerapan amalan pengajaran guru mengaplikasi teori malakah dan tadrij membuktikan bahawa faktor dan permasalahan dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dapat diselesaikan secara berkesan.

Kata kunci: Malakah dan tadrij, sekolah pedalaman, Pendidikan Islam.

1.0 PENGENALAN


Tanpa ilmu sudah pasti hasrat pendidikan untuk menghasilkan modal insan tidak akan tercapai. Masyarakat tertinggal dalam kemajuan dan berfikir di dalam kotak pemikiran mereka sahaja. Perkara ini akan menjadikan manusia mendapat kedudukan yang rendah (Muliyadi Mohammed, 2012). Dalam konteks ini, tugas guru bukan sekadar memindahkan maklumat, pengetahuan, pengalaman dan ilmu kepada para muridnya. Cara atau saluran seseorang guru menyalurkan ilmu tersebut penting untuk menjadikan murid positif dari segi sikap, keperibadian dan nilai yang tinggi bermodelkan Rasulullah (Tengku Sarina Aini & Faridah Husein, 2008) sangat dititik beratkan.

Guru sebagai model berfungsi membangunkan potensi setiap murid terutamanya murid pedalaman yang dikatakan agak ketinggalan berbanding murid di bandar melalui pengajaran yang berkesan (Shirley Tay dan Shukery Mohamed, 2006). Guru Pendidikan Islam hendaklah bersedia dan ikhlas mencurahkan ilmu di kawasan pedalaman. Walaubagaimana pun, menurut Baharin Abu & Norhidayah Ismail (2010) mendapati tahap minat dan kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk berkhidmat di kawasan pedalaman di tahap yang sederhana.

Seman Salleh (2005) dan Shirley Tay dan Shukery Mohamed (2006) dalam kajian mereka turut menyatakan pengajaran guru di pedalaman ketinggalan berbanding di kawasan bandar. Reid dan Martin (2003), Barter (2008) dan Epply (2009) dalam Norhayati Ramlan dan Mohd Yusof Abdullah (2011) menyokong perkara ini dengan menyatakan bahawa murid pedalaman memiliki persekitaran yang berbeza dengan kawasan lain. Kehidupan murid terbatas pada dunia yang terpencil menyebabkan pengetahuan mereka hanya bertumpu kepada perkara-perkara yang hanya terdapat di alam sekeliling murid sahaja dan sangat bergantung kepada pengajaran guru (Mohd Zaidi dan Mohd Faisal, 2014).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat teori *malakah dan tadrij* dan keberkesanannya dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman.



Rajah 1: Model Ibnu Khaldun dalam teori Malakah dan Tadrij. Sumber: Al-Muqaddimah, Ibnu Khaldun (2000).

Berdasarkan kerangka teori di atas, Ibnu Khaldun menyarankan pengajaran guru yang berkesan berbentuk pengajaran yang disampaikan oleh guru dilaksanakan secara berterusan. Mohd Faruq (1998) dalam Azmi Mamat (2005) menyatakan bahawa Ibnu Khaldun menyarankan setiap guru untuk memberikan didikan berterusan kepada anak muridnya. Tujuan utama didikan berterusan ini ialah supaya ilmu yang diajar menjadi warisan dalam Islam dan diterima dari generasi ke generasi. Menurut Mohd Zaidi (2016), untuk pengajaran guru di sekolah pedalaman bagi subjek Pendidikan Islam, pengajaran seharusnya bermula dengan set induksi diikuti oleh langkah satu, dua, tiga dan diakhiri dengan penilaian sangat membantu terhadap pembelajaran murid.

Dalam konteks ini, konsep berterusan yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldun bermaksud pengajaran guru tidak terputus-putus dan ditinggalkan dalam jarak dan tempoh yang lama (Ibnu Khaldun, 1995). Jika perkara sebaliknya berlaku, perkara ini menyebabkan murid mudah lupa, tiada kesinambungan ilmu dan tajuk-tajuk yang telah dipelajari sukar difahami. Rujukan mengenai ciri-ciri sekolah pedalaman di Malaysia boleh dilihat seperti rajah 2 di bawah untuk dijadikan asas kepada amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman menjurus kepada teori *malakah dan tadrij*.

KLASIFIKASI KATEGORI PEDALAMAN SEKOLAH EKMLTK

BIL	KRITERIA	CIRI-CIRI PEDALAMAN		
		PEDALAMAN 1	PEDALAMAN 2	PEDALAMAN 3
1	Bil mod pengangkutan	Satu mod pengangkutan sahaja dan kos perjalanan rendah (biasanya di bawah RM50 serta jarak dari bandar terdekat kurang dari 70KM)	Dua mod pengangkutan, boleh juga satu mod tetapi kos perjalanan sehalu adalah mahal (lebih RM100 serta jarak dari bandar terdekat juga	Tiga atau lebih mod pengangkutan sahaja dan kos perjalanan tinggi (melebihi RM150). Boleh juga 1 atau 2 mod tetapi kos perjalanan adalah luar biasa tinggi. Jarak dari

			boleh menentukan faktor (lebih dari 70KM tetapi kurang 100KM)	bandar terdekat adalah lebih dari 100KM tetapi mungkin kurang jika menggunakan jalan balak atau denai.
2	Risiko perjalanan	Satu atau dua risiko perjalanan seperti curam/runtuh/licin	Dua risiko perjalanan seperti banjir/jeram	Lebih dari tiga risiko seperti ombak besar/binatang/lanun
BIL	KRITERIA	CIRI-CIRI PEDALAMAN		
		PEDALAMAN 1	PEDALAMAN 2	PEDALAMAN 3
3	Bekalan elektrik	Bekalan 24 jam atau 12 jam (awam/swasta)	Bekalan 12 jam (awam/swasta) atau janakuasa	Janakuasa atau kuasa solar atau tiada langsung bekalan
4	Kediaman	Kuaters ikut pelan atau standard	Kuaters gotong-royong atau substandard	Kuaters ubah suai atau tiada kuaters
5	Sanitasi	Tandas moden/ curah	Tandas curah	Tandas lubang/tepi sungai
6	Telekomunikasi	Telefon tetap/ selular/amatur/ internet	Telefon satelit/sistem ATUR (Automatic Telephone Using Radio)	Sistem ATUR (Automatic Telephone Using Radio) atau tiada kemudahan perhubungan.
7	Perkhidmatan kesihatan	Klinik Desa/ Klinik Bergerak/ Flying Doctor	Klinik Desa/ Klinik Bergerak/ Flying Doctor	Tiada perkhidmatan
8	Kemudahan lain	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadah	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadah	Tiada langsung kemudahan awam
9	Bekalan air	Bekalan air awam/pancur graviti/perigi tiub	Pancur graviti/perigi tiub/air sungai	Air sungai/air hujan

Sumber: Surat Siaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2017; Pemakluman Keputusan Kategori Pedalaman Sekolah Berhubung Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesukaran (EKMLTK) Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Dan Anggota Kumpulan Pelaksana Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Berkhidmat Di Sekolah Pedalaman.

3.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini wajar dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membangunkan potensi murid minda kelas pertama berdasarkan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) khusus murid di kawasan pedalaman (Mohd Zaidi dan Mohd Faisal, 2014). Justeru semua dasar yang dirancang, digubal dan dilaksanakan oleh kementerian untuk memperbaiki kurikulum dan pengajaran dalam pembelajaran warga sekolah pedalaman perlu bersifat adil dan tidak berat sebelah seperti mempertimbangkan pelbagai faktor amalan pengajaran guru seperti *indigenous pedagogy*.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes untuk mendapatkan maklumat tentang amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pedalaman yang melibatkan dua peserta kajian di dua buah lokasi sekolah pedalaman yang berbeza. Tiga kaedah pengumpulan data diguna pakai iaitu temu bual, pemerhatian tanpa penyertaan dan penganalisan dokumen-dokumen yang berkaitan. Proses pengumpulan maklumat dan penganalisan data dilakukan berlaku serentak, saling jalin-menjalin dan tidak

terputus (Merriam, 2001; Strauss & Corbin, 1990) iaitu secara menyeluruh dalam menjalankan kajian berbentuk kajian kes.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Apakah amalan pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman berdasarkan *teori malakah* dan *tadrij*? Ini merupakan soalan kajian berkaitan dengan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di pedalaman yang berkait rapat dengan teori *malakah* dan *tadrij*

Terdapat tujuh amalan pengajaran guru yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam semasa mengajar di sekolah pedalaman. Antara amalan tersebut ialah kepelbagaian kaedah mengajar, kaedah bercerita, sesi soal jawab, penggunaan teknologi maklumat, aplikasi jawi, profesionalisme guru sebagai tauladan dan kaedah penilaian terhadap pelajar. Kesemua perkara ini dijelaskan setiap dalam jadual bermaklumat di bawah:

Jadual 1:
Kepelbagaian kaedah mengajar

Perkara	Guru Y	Guru Z
Kepelbagaian kaedah	Menjadikan pembelajaran 'hidup'	Tidak bersifat tradisional
Kaedah tidak berulang	Tidak menggunakan satu kaedah sahaja	Tidak menggunakan kaedah lakonan dan lawatan kerana tidak praktikal di pedalaman.
Pembelajaran aktif	Pembelajaran bermakna, pelajar ceria dan murid mudah mengintergrasi maklumat	
Kreativiti guru	Tidak terikat dengan buku teks	
Kaedah mudah	Model diri sendiri	Pakaian guru

Pemerhatian di sekolah P1 dan P2 mendapati kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru menjadikan pembelajaran lebih menarik, membuatkan murid hilang rasa bosan dan bersemangat untuk belajar. Temu bual antara pengkaji dan peserta kajian sekolah P1:

Pengkaji: Maksudnya di sini ustaz menggunakan pelbagai pelbagai teknik semasa mengajar?
Ustaz Y: Ada pelbagai la....(tersengih). A...pelajar suka dengan bercerita...mendengar. (TB1UY22P1)

Dalam temu bual, Ustaz Z ada menyatakan pandangan peserta kajian mengenai kepelbagaian teknik pengajaran:

"Saya banyak ape e....a....bercerita jer....soal jawab....teknik penyolalan.... dan kemudian apa? Kemudian guna ICT tu kan....bagi tayang video". (TB1UZ21P2).

Jadual 2:
Kaedah bercerita

Guru Y	Guru Z
Bersahaja tetapi bermakna	Kelakar dan berintonasi
Berlaku ketika pertengahan/kesimpulan pembelajaran murid	Awal pembelajaran
Kisah-kisah tauladan	Cerita berbentuk kemanusiaan
Tidak direka-reka atau melalaikan	

Berdasar penganalisan dokumen yang telah dilakukan, pengkaji mendapati dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru yang disediakan setiap minggu mengandungi kaedah bercerita. Kaedah bercerita banyak digunakan oleh Ustaz Y untuk mengajar bab sirah dan tokoh di dalam Islam. Cerita yang terdapat di dalam buku teks tidak diceritakan semula oleh Ustaz Y

sebaliknya cerita-cerita yang disampaikan oleh guru agama ini didapati daripada sumber sampingan seperti internet dan buku bacaan tambahan peribadi. Ini dilihat daripada catatan bahan bantu mengajar (BBM) guru yang tidak hanya menggunakan buku teks semata-mata tetapi menggunakan bahan-bahan tambahan seperti buku koleksi peribadi dan buku rujukan tambahan.

Pengkaji mendapati bahawa Ustaz Z pula memberikan bahan mengenai salasilah keluarga Nabi menggunakan bahan dari Majalah Solusi terbitan Syarikat Telaga Biru Sendirian Berhad. Bahan tersebut telah ditampal oleh murid di dalam buku latihan masing-masing. Apabila pengkaji bertanya kepada murid mengenai bahan yang telah ditampal tersebut ternyata, Ustaz Z telah menggunakan dokumen ini untuk menghurai dan bercerita mengenai salasilah keluarga Nabi dalam bab sirah tingkatan 1 pada awal tahun 2014.

Jadual 3:

Sesi soal jawab

Guru Y	Guru Z
Berbentuk dua hala	
Murid tidak mengangkat tangan untuk menjawab kerana duduk di lantai	Pelajar mengangkat tangan untuk menjawab soalan
Guru memilih cara pertanyaan pelajar dengan kerelaan sendiri	Guru bertanya terus kepada murid
Di awal/tengah pembelajaran	Biasanya di awal dan di akhir sesi pembelajaran
Menjawab soalan pelajar yang tiada kaitan dengan subjek dengan baik dan terus mengaitkan dengan kehidupan Islam	
Bersumberkan buku teks	Bersumberkan buku rujukan dan dijadikan latihan tubi

Pemerhatian pengkaji mendapati para murid yang bertanya kepada peserta kajian tanpa mengira masa. Biasanya soalan yang ditanya oleh murid kepada Ustaz Z ketika guru baru memulakan pengajian dan ketika proses pembelajaran berlaku. Soalan yang ditanya bukan berkaitan dengan akademik sahaja tetapi berkaitan amalan seharian, ibadah dan pengetahuan am. Contohnya seorang murid tingkatan 1 pernah bertanya kepada Ustaz Z mengenai sejarah Islam sedangkan Ustaz Z baru hendak memulakan pengajaran berkaitan akhlak. Ustaz Z menjawab soalan murid dengan tepat dan murid gembira dengan jawapan yang diberikan oleh guru P2 tersebut.

Soalan-soalan yang ditanya kepada Ustaz Z juga soalan yang tidak penting tetapi Ustaz Z akan menjawab pertanyaan murid dengan baik. Contoh soalan yang tidak penting adalah waktu latihan kompang, keperluan menghantar kerja rumah, kehadiran di surau dan waktu berbuka puasa. Selepas pemerhatian ketiga dan keempat pengkaji di sekolah P1 juga menunjukkan bahawa soalan murid kepada peserta kajian tidak bersifat akademik dan tidak berkaitan dengan pelajaran. Walaupun begitu, peserta kajian tetap menjawab pertanyaan murid disusuli dengan kata-kata nasihat, panduan dan kebaikan dalam agama Islam

Jadual 4:

Penggunaan teknologi maklumat

Guru Y	Guru Z
Menggunakan komputer riba dan internet secara terhad	
Jaringan telekomunikasi mudah	Perlu muat turun bahan di luar bandar
Tidak menggunakan manual teknologi maklumat yang berkaitan	
Sumber yang pelbagai seperti bacaan al-Quran, 'youtube' dan pembacaan tambahan persendirian guru	

Pemerhatian penyelidik mendapati bahawa penggunaan komputer di kalangan peserta-peserta kajian adalah baik dan teratur walau pun kurang konsisten disebabkan permasalahan punca bekalan elektrik serta jaringan komunikasi yang sederhana. Penggunaan teknologi maklumat ini membolehkan kepelbagaian dalam pengajaran guru dan menarik perhatian murid untuk belajar. Apabila penyelidik bertanya secara tidak formal terhadap penggunaan teknologi

maklumat di sekolah P2, para murid menyatakan bahawa pembelajaran semakin menyeronokkan dan menambahkan pengetahuan sedia ada murid.

Di sekolah P1, pengkaji mendapati penggunaan komputer riba oleh Ustaz Y sangat berkesan terutamanya kepada murid tingkatan 1. Disebabkan faktor murid yang sedikit memudahkan Ustaz Y untuk menayangkan kepada murid video beserta audio yang jelas. Para murid kelihatan bersungguh-sungguh dan seronok terhadap persembahan yang terdapat di dalam komputer guru. Bahan-bahan pengajaran berbentuk 'slide' digunakan oleh Ustaz Y menggunakan komputer peribadi guru. 'Slide' yang dipaparkan kepada murid berwarna-warni, terang, pencahayaan yang cukup, isi yang tidak berulang dan disusun mengikut keutamaan tajuk dan sub-tajuk seperti di dalam buku teks murid. Ustaz Y menyatakan dalam temu bual:

“Bahan yang saya ada semuanya saya simpan dalam laptop. Nak guna senang masa mengajaq. Tapi kita kena sedia awal la. Kalau tak sedia, jadi susah pulak mengajaq nanti”. (TB1UY20P1)

Jadual 5:

Aplikasi jawi

Guru Y	Guru Z
Diaplikasi secara formal ketika pengajaran bidang al-Quran dan al-Hadiths	
Dijalankan dalam satu masa pengajaran	Dijalankan dalam sepenuh sesi pengajaran
Berbentuk tulisan khat	Tidak berbentuk tulisan khat/biasa
Buku latihan biasa	Menggunakan buku latihan khas (khas)

Contoh mudah aplikasi jawi dalam pengajaran jawi secara formal adalah pengajaran guru di dalam bilik agama menggunakan tulisan jawi. Di dalam bilik agama, guru turut menulis di papan putih dengan menggunakan tulisan jawi. Formaliti pengajaran peserta kajian dalam aplikasi jawi dilihat melalui penulisan tarikh, hari dan matapelajaran di papan tulis setiap kali memulakan pengajaran dalam pembelajaran dengan tulisan jawi. Manakala, contoh aplikasi jawi dalam pengajaran guru secara tidak formal adalah hiasan dan carta di dalam bilik agama menggunakan tulisan jawi dan khat yang menarik.

Analisis dokumen mendapati bahawa kedua-dua peserta kajian turut menggunakan buku latihan khas jawi dan buku latihan sendiri. Ustaz Y menggunakan buku latihan manakala Ustaz Z menggunakan buku latihan khas jawi. Apabila pengkaji merujuk kedua-dua dokumen yang digunakan oleh kedua-dua orang guru ini, Ustaz Y menggunakan buku latihan biasa untuk murid membuat latihan jawi. Latihan yang diberikan oleh Ustaz Y berbentuk penulisan jawi, latihan tubi, penulisan khat, menterjemah petikan daripada rumi ke jawi dan menyambung huruf-huruf jawi.

Ustaz Z pula menggunakan buku khas jawi kepada para muridnya. Guru agama ini mengambil inisiatif memperbanyakkan buku tersebut kepada setiap murid untuk dimiliki secara individu. Buku ini walaupun kandungannya bukan berdasarkan silibus sekolah menengah tetapi persembahan bahan berbentuk permainan, menyambung ayat, teka silang kata, menyambung perkataan dan mengisi tempat kosong tetapi sangat menarik. Buku latihan ini merupakan bahan-bahan yang diperolehi daripada sumber Buku Latihan J-Qaf (Jawi, al-Quran dan Fardhua Ain) untuk murid sekolah rendah. Pengkaji mendapati bahawa buku ini disemak oleh guru setiap minggu dan berkala. Terdapat latihan yang terdapat dalam buku ini disalin kembali dalam buku nota murid sebagai kerja rumah.

Jadual 6:

Profesionalisme guru sebagai tauladan

Guru Y	Guru Z
Guru sebagai tauladan, penampilan guru, etika guru, komunikasi positif guru dan hubungan positif antara guru dengan murid	
Akhlah luaran dan dalaman yang baik.	
Persekitaran seperti pentadbiran, rakann sejawat dan murid yang kondusif.	
Hubungan dengan keluarga murid	Ambil berat hal keluarga murid

Guru merupakan cermin kepada diri murid. Akhlak yang baik akan menjadikan diri guru disenangi oleh sekeliling terutamanya murid untuk dicontohi. Akhlak yang baik juga merupakan salah satu amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di pedalaman. Tentang akhlak guru dalam pengajaran guru, Ustaz Y menyatakan:

“...penampilan guru...adab guru...tingkah laku guru penting supaya murid tertarik. Bahasa yang guru gunakan jugak memberi kesan kerana itu adalah akhlak” .(TB1UY29P1).

Pada pemerhatian pengkaji terhadap peserta sekolah P1 dan P2, kedua-dua peserta kajian ini menunjukkan contoh ikutan yang baik, mengamalkan budaya hidup yang boleh dicontohi oleh murid dan menjauhi perkara-perkara yang boleh merosakkan diri sendiri. Akhlak serta etika kedua-dua peserta kajian bukan sahaja kepada para murid Islam tetapi murid bukan Islam. Ini menjadikan peserta kajian sebagai guru agama mudah dicontohi berdasarkan akhlak luaran serta dalaman guru serta guru berusaha menjadi contoh.

Jadual 7:

Kaedah penilaian

Guru Y	Guru Z
Berbentuk soal jawab dan lembaran kerja	
Di awal/tengah pembelajaran	Di akhir sesi pembelajaran
Sepanjang sesi pengajaran dalam pembelajaran	
Lembaran kerja daripada buku teks	Berbentuk lisan dan lembaran kerja dijadikan sebagai tugas/latihan sendiri murid

Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa penilaian guru P1 dan P2 di sekolah merupakan faktor yang membantu amalan pengajaran guru di sekolah pedalaman. Pemerhatian pengkaji lebih tertumpu ketika di dalam bilik agama kerana pengajaran kedua-dua peserta kajian ini 70% dilakukan di dalam bilik agama dan 30% dalam bentuk latihan bertulis murid. Penilaian yang dilakukan oleh guru juga sangat membantu kepada pencapaian murid di dalam akademik.

Dalam sesi temu bual, apabila ditanya mengenai penilaian yang dilaksanakan kepada murid di dalam bilik agama oleh Ustaz Z, peserta kajian menjawab:

“...melalui teknik soal tu. Kalau budak dapat jawab maksudnya mereka faham”. (TB1UZ20P2).

Ustaz Y dan Ustaz Z akan membuat penilaian di dalam bilik agama dengan menggunakan dua medium. Medium pertama adalah dengan kaedah soal jawab dan medium yang kedua pula menggunakan lembaran kerja. Kedua-dua medium ini sangat membantu murid untuk mengingat kembali apa yang murid telah pelajari dan membantu peserta kajian menilai tahap kefahaman pembelajaran yang telah murid lalui. Medium ini turut berfungsi kepada kedua-dua peserta kajian bagi proses mengaitkan kefahaman dan hubung jalin antara sub-sub topik dalam subjek Pendidikan Islam dan bidang pembelajaran murid. Contohnya peserta kajian mengaitkan bidang akhlak dan ibadah bagi menghuraikan jawapan murid menggunakan medium penilaian yang disediakan oleh peserta kajian. Ustaz Z turut menambah pendapat dalam temu bual:

“Penilaian tu penting. Kita buat penilaian supaya pelajar tu faham”. (TB1UZ21P2)

6.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi soalan kajian iaitu “Apakah amalan pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman yang sesuai dengan teori *malakah dan tadriji*?”, dapatan kajian menunjukkan di kedua-dua sekolah pedalaman yang dikaji, amalan Pendidikan Islam yang berkesan adalah guru mempelbagaikan kaedah mengajar dan bukan satu kaedah sahaja. Kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh guru akan menjadikan pengajaran guru lebih bermakna kepada para murid. Dalam menambah minat murid Pendidikan Islam, kepelbagaian amalan pengajaran guru diperlukan (Ibnu Khaldun, 2000).

Dapatan kajian di sekolah P1 mendapati kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru menjadikan pembelajaran lebih menarik, membuatkan murid hilang rasa bosan dan bersemangat untuk belajar. Namun perkara sebaliknya berlaku jika kepelbagaian kaedah ini tidak diusahakan oleh guru terutamanya kepada 'kelas belakang'. Ghazali Shafiei (2007) menyetujui perkara ini dengan menyatakan bahawa kepelbagaian kaedah diperlukan oleh murid yang bermasalah di sekolah. Kaedah guru kurang pelbagai menyebabkan pencapaian akademik tidak meningkat dalam kalangan murid yang bermasalah. Murid-murid ini mengharapkan pengajaran guru berbentuk perbincangan dan aktiviti berkumpulan. Sekaligus perkara ini telah menyokong amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di pedalaman dalam soalan kajian pertama iaitu amalan pengajaran menggunakan kaedah bercerita dan soal jawab.

Amalan yang sesuai dengan menggunakan kaedah bercerita membuktikan bahawa teknik bercerita merupakan teknik penyampaian pengajaran yang sesuai dengan sifat semulajadi murid (Shahbuddin Hashim et al., 2003). Dalam kajian ini, proses bercerita kedua-dua peserta kajian juga tidak terpisah-pisah, dilaksanakan dalam tempoh yang konsisten dan beransur-ansur. Ini bertepatan dengan teori Ibnu Khaldun (2010) iaitu *malakah* dan *tadrij* yang memerlukan guru menyampaikan pengajaran dengan ruang masa yang panjang dan berterusan. Berterusan yang dimaksudkan Ibnu Khaldun adalah tidak terputus-putus. Dapatan ini menyokong pendapat Slavin (1994) yang menetapkan faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan adalah masa di peruntukan untuk pengajaran (*time for instruction*). Ini terbukti dengan kaedah yang digunakan oleh peserta kajian semasa bercerita ketika memulakan pengajaran dan menyelitkan cerita semasa proses mengajar. Di samping itu, cerita yang disampaikan kepada murid dijadikan kesimpulan pengajaran di dalam kelas.

Kepelbagaian kaedah pengajaran guru di pedalaman juga melibatkan kaedah yang selalu digunakan oleh guru semasa mengajar adalah soal jawab. Kaedah soal jawab ini melibatkan interaksi dua hala antara guru dan murid. Di kedua-dua sekolah yang dikaji, interaksi dua hala berlaku antara guru dan murid menjadikan murid aktif dan komunikasi antara guru dan murid semakin baik. Dapatan ini mengukuhkan dapatan Mohd Yusuf Ahmad (2005), Ibnu Khaldun (2000) dan Razali Saaran (2010). Dapatan ketiga-tiga pengkaji ini menyokong idea dapatan kajian bahawa bagi murid yang kurang jelas, pendekatan yang boleh dilakukan oleh guru adalah membuka ruang kepada murid untuk sesi soal jawab. Manfaat dari kaedah soal jawab ini dapat mengurangkan kekeliruan dan salah faham terhadap pengetahuan dan kefahaman murid.

Selain itu, pengajaran juga harus menggunakan pendekatan yang saintifik, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid dalam proses pengajaran dalam pembelajaran di sekolah untuk murid memperolehi ilmu pengetahuan. Dalam proses soal jawab ini juga, soalan yang ditanya oleh Ustaz Z kepada para muridnya berbentuk kemahiran berfikir kreatif dan kritis. Dapatan kajian ini selari dengan pendapat Mohd Faruq (1998) iaitu perkara asas yang ditekankan oleh Ibnu Khaldun kepada seseorang guru adalah guru hendaklah mengetahui kekuatan dan keupayaan akal murid. Kedua-dua asas ini penting dalam membolehkan murid menajamkan kognitif dan boleh mempelajari kemahiran yang lebih tinggi.

Sebaliknya, Ibnu Khaldun (2000) tidak bersetuju bahawa pengajaran guru itu tidak boleh beralih ke tahap yang lebih tinggi sekiranya murid tidak dapat menguasai ilmu sebelumnya. Namun perkara ini berlaku dalam proses pengajaran kedua-dua peserta kajian dalam kaedah soal jawab. Dapatan kajian mendapati bahawa soalan-soalan yang ditanya oleh guru di dalam kelas merupakan silibus di tingkatan lain dan menengah atas seperti soalan berkaitan haji dan umrah. Soalan yang ditanya oleh guru juga kebanyakannya berbentuk soalan fokus tunggal yang selalu menyebabkan murid keliru dan tidak dapat mencari penyelesaian yang tepat.

Dapatan ini selaras dengan metode menyampaikan ilmu menurut Ibnu Khaldun (2004). Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa aktiviti penyampaian guru bukan sekadar guru menyampaikan ilmu tetapi bertujuan menyuburkan *malakah* dalam diri murid melalui kaedah soal jawab. *Malakah* boleh dicapai melalui 'deep' dan 'achieving' oleh murid (Misnan Jemali, 2006; 2008). Menyuburkan *malakah* bertujuan melahirkan murid yang terbuka minda serta berfikiran luas dan jauh. *Malakah* yang terbentuk ini diharap dapat membantu murid untuk menghasilkan ilmu baru. Walau bagaimana pun, terdapat satu prinsip *malakah* dan *tadrij* yang disarankan oleh Ibnu Khaldun (2004) tetapi tidak dipraktikkan oleh peserta kajian iaitu pengajaran guru berbentuk aktiviti iaitu pembentangan dan perbincangan dalam kelas.

Antara dapatan kajian juga mendapati bahawa teori *malakah* dan *tadrij* yang ditekankan oleh Ibnu Khaldun adalah pengajaran guru perlu menekankan *malakah*. Contoh berkaitan adalah penggunaan teknologi maklumat dengan berkesan. Justeru guru mengajar berbantuan komputer riba tetapi sambil lewa, tidak bersungguh-sungguh, tidak teliti dan penggunaan warna yang kurang sesuai (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2009; 2012), pengajaran guru menjadi negatif. Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyambung pendapat dengan menegaskan bahawa komputer merupakan media dan alat sahaja yang tidak dapat menggantikan tugas sebenar guru. Ini bermakna teknologi maklumat penting dan menjadi amalan pengajaran guru dalam konteks kajian ini tetapi ia bukanlah syarat utama pengajaran guru yang berkesan.

Di dalam kelas, semasa proses pengajaran, dapatan kajian menunjukkan guru menulis di papan putih dengan menggunakan tulisan jawi terutamanya dalam bidang al-Quran dan al-Hadith. Tujuan kedua-dua peserta kajian menggunakan aplikasi pengajaran jawi dalam Pendidikan Islam di pedalaman termasuk penulisan RPH bagi tujuan pengajaran berkesan secara keseluruhan pengajaran guru. Bagi murid pula, aplikasi jawi diajar bersumberkan buku khas, latihan dan aktiviti di dalam kelas. Pendidikan jawi yang diterima oleh murid sangat menguatkan pendapat Misnan Jemali (2008) yang menyatakan bahawa Ibnu Khaldun menegaskan *malakah* yang dicapai oleh murid melalui '*deep*' dan '*achieving*' haruslah menepati dua syarat. Syarat pertama adalah murid wajib mendalami ilmu. Dengan mendalami ilmu, murid dapat membezakan antara faham dan hafal. Syarat yang kedua pula adalah untuk mendapatkan ilmu perlu menghafal dan faham. Ibnu Khaldun menegaskan bahawa syarat kedua ini, untuk mendapatkan ilmu perlu belajar secara optimum, latihan dan penilaian sebagai syarat serta belajar dan berlatih akan mengukuh dan memantapkan malakah murid.

7.0 RUMUSAN

Guru agama merupakan aset dakwah dan tugas ini perlu dipegang dan dijayakan dengan amal penuh keikhlasan. Cabaran pendidikan di pedalaman perlulah dihadapi oleh guru agama dengan hati yang terbuka dan sentiasa memandang ke hadapan. Guru agama yang mengajar di pedalaman perlu berusaha dan berikhtiar agar semua usaha yang dilakukan bagi meningkatkan taraf pendidikan dan meninggikan syariat Islam dilihat sebagai satu jalan dakwah dan jihad. Komitmen guru agama sangat diperlukan dalam konteks ini.

Oleh itu, tumpuan pengajaran guru di dalam kelas perlu diutamakan kerana guru di pedalaman diibaratkan internet yang bergerak. Segala tingkah laku, adab, kesopanan, percakapan dan cara hidup mudah dicontohi oleh murid di pedalaman. Kesemua perkara ini merujuk kepada profesionalisme perguruan yang perlu dijaga oleh guru selain menjadi salah satu faktor amalan pengajaran guru yang berkesan di pedalaman. Apabila tugas guru agama cemerlang sebagai pengajar di dalam kelas, tugas sebagai pendakwah boleh dilaksanakan dengan hikmah dan mampu menjadi idola yang baik bukan sahaja kepada murid yang beragama Islam tetapi murid yang bukan beragama Islam yang majoritinya berada di sekolah pedalaman. Guru Pendidikan Islam khususnya di pedalaman seharusnya terus mengamal serta mendalami dengan lebih sempurna model *malakah* dan *tadrij* yang disarankan oleh Ibnu Khaldun semasa mengajar. Teori ini mesti di'*hadam*' oleh guru khususnya dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam sekaligus meningkatkan profesionalisme perguruan dalam diri khusus dalam konteks pendidikan di pedalaman.

8.0 RUJUKAN

Al-Quran

- Azmi Mamat (2005). *Beberapa Aspek Pemikiran Kritis Ibn Khaldun Kajian Dalam Kitab al-Muqaddimah*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya.
- Baharin Bin Abu dan Norhidayah Ismail (2010). *Tabap Kesediaan Guru Pelatih Fakulti UTM Untuk Berkhidmat Di Kawasan Pedalaman*. Laporan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Barter, B. (2008). Rural Education: Learning To Be Rural Teacher. *Journal of Workplace Learning*, Vol.20 (7/8), 468-479.

- Eppley, K. (2009). Rural School and the Highly Qualified Teacher Provision of No Child Left Behind: A Critical Policy Analysis. *Journal Of Research In Rural Education*, 24(4). Dilihat di <http://jrre.psu.edu/articles/24-4.pdf> pada 20/7/2017.
- Ghazali Shafiei (2007). *Aspirasi Murid Bermasalah Akademik Tingkatan Dua Terhadap Kaedah Pengajaran Guru*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ibnu Khaldun (1995). *Muqaddimah (terj)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun (2000). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (CGPI) dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51: 57-71.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2012). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications In Education (2nd ed)*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Misnan Jemali (2006). *Metodologi Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah*. Kajian Cuti Sabatikal. Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Misnan Jemali (2008). *Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah*. Tesis Phd, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faruq (1998). *Al-Fikr Al-Khalduni Min Khilal al-Muqaddimah*. Beirut: Al-Risalah Publisher.
- Mohd. Yusof Ahmad (2005). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zaidi dan Mohd Faisal (2014). *Kertas Kerja Konsep Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Pedalaman*. Kertas kerja dibentang di Seminar Serantau Pendidikan Holistik, 1-3 September 2014, Universitas Riau, Indonesia.
- Mohd Zaidi(2016). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Pedalaman*. Disertasi, Universiti Malaya
- Muliyadi Bin Mohammed (2012). *Keberkesanan Teknik Soaljawab Dalam Pengajaran Akhlak Pendidikan Islam Tahun Enam*. Laporan Penyelidikan, Universiti Malaya.
- Norhayati Ramlah dan Mohd Yusof Abdullah (2011). Pengaruh Indigenous Pedagogy Terhadap Peranan Guru Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kawasan Pedalaman. *Jurnal Pendidikan*, Universiti Malaya (Edisi Khas),1-10.
- Razali Saaran (2010). *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Seman Saleh (2005). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Rendah Di Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. *Jurnal Institut Perguruan Bahasa Asing, Jilid 3(2)*, 27-44.
- Shahbuddin Hashim, Noraini Yaakub dan Mohd Zahir Ahmad (2003). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Shirley Tay S.H. dan Shukery Mohamed (2006). *Issues In Teaching and Learning Sciences and Mathematics In English In Sabah*. Proceedings from the National Seminar On Language Teaching. Universiti Malaysia Sabah, 83-96.
- Slavin, R.E. (1994). *Using Student Team Learning (2nd. Ed.)*. Baltimore, MD: Johns Hopkins University, Center for Social Organization of Schools.
- Strauss,A. dan Corbin,J. (1990). *Basics Of Qualitative Research-Grounded Theory Procedures and Techniques*. California: SAGE Publications, Inc.
- Tengku Sarina Aini dan Faridah Che Husein (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun, *Jurnal Usuluddin*, 27, 141-156.
- White, S. dan Reid, J. (2008). Placing Teachers? Sustaining Rural Schooling Through Place-Consciousness In Teacher Education. *Journal of Research In Rural Education*, 23(7), 1-11.